

**KEPUTUSAN JAWATANKUASA PERUNDING HUKUM SYARA'(FATWA) NEGERI
SELANGOR DARUL EHSAN MENGENAI
PENGUNAAN TANAH WAKAF BAGI MENDIRIKAN SEKOLAH RENDAH
AGAMA BATU 4, JALAN KAPAR, KLANG, SELANGOR**

1. TAJUK PERSOALAN

Persoalan ini dikemukakan kepada Jawatankuasa Fatwa Negeri Selangor bertujuan untuk mendapatkan hokum dan fatwa untuk menggunakan tanah wakaf bagi mendirikan Sekolah Rendah Agama Batu 4, Jalan Kapar, Klang Selangor.

2. LATAR BELAKANG

2.1 Kampung Bt 4. Jln Kapar, Klang terletak dalam Mukim Rantau Panjang, Ddaerah Klang dan sebuah kampung yang sedang pesat membangun dari fizikal.

2.2 Masjid yang ada kini iaitu Masjid Kiyai Haji Abdullah Omar yang dibina pada tahun 1973 adalah sebuah masjid lama dan dibina atas tapak Tanah Wakaf untuk masjid dengan keluasan 0.969 ekar bernombor Lot 3911. diatas tapak ini juga dibina sebuah Sekolah Agama Rakyat(KAFA) dengan mengandungi sepuluh bilik darjah dan 600 orang pelajar. Tahun 2001 jumlah pelajar meningkat menjadi 710 orang.

2.3 Kini masjid ini telah diroboh untuk pembinaan semula masjid baru dan lebih besar yang boleh menampung 2500 orang jemaah dalam satu-satu masa.

2.4 Isunya adalah pembinaan masjid ini tidak dapat diteruskan kerana terdapat sebuah Sekolah Agama Rakyat(KAFA)di atas tapak masjid ini yang mesti dirobohkan dengan segera dan dipindahkan ke tapak lain bagi sekolah tersebut. Walaubagaimanapun terdapat masalah bagi mencari tapak sekolah yang bersesuaian.

2.5 Beberapa tapak tanah untuk sekolah tersebut telah dikenal pasti tetapi mempunyai masaalah berikut;-

2.5.1 Kawasan lapang bersebelahan Surau Cempakasari, Klang Utama.

2.5.2 Kawasan lapang bersebelahan Dewan Ahmad Razali

2.6 Oleh itu adalah dicadangkan Tanah Wakaf bernombor Lot 3267 dan berukuran 2.219 ekar dijadikan tapak sekolah dan sekolah dinaik taraf kepada SEKOLAH RENDAH AGAMA bukan lagi KAFA dengan peruntukan Kerajaan Negeri.

3. **PERBINCANGAN DAN KEPUTUSAN**

Mesyuarat Jawatankuasa Perunding Hukum Syara' Negeri Selangor sebulat suara memutuskan tanah wakaf yang sedia ada bagi mendirikan Sekolah Rendah Agama di Batu 4, Jalan Kapar Klang.

Walaubagaimanapun Ahli-ahli Mesyuarat telah menasihatkan agar kedua-dua pihak mengadakan perbincangan sekiranya ada sebarang tuntutan atau bayaran yang hendak dikenakan kepada pihak sekolah sebagai sumber kewangan untuk dimasukkan ke dalam Tabung Masjid.

Jawatankuasa Perunding Hukum Syara'(FATWA) telah membincangkan perkara di atas dengan penuh teliti maka dibolehkan menggunakan tanah wakaf untuk mendirikan Sekolah Rendah Agama Batu 4, Jalan Kapar Klang.